



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	15/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			

Nilai sejarah gua batu kapur Perlis

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Gua-gua batu kapur di Perlis menyimpan pelbagai khazanah geologi serta flora dan fauna yang mempunyai nilai warisan tinggi selain bukti peninggalan arkeologi yang sangat penting bagi sejarah.

Antaranya, Gua Kurung Batang, Bintong di sini yang pernah merekodkan penemuan kalam semah atau *votive tablet* yang mempunyai imej *avaloketisvara* dan *bodhisattva* serta ayat-ayat suci Buddha.

Ia dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti keagamaan Buddha-Hindu suatu ketika dahulu sebelum pembukaan penempatan di sini.

Kalam semah tersebut dikatakan diperbuat daripada tanah liat yang diperolehi di sekitar gua berkenaan selain Gua Berhala dan Gua Bukit Bintang di sini yang jarak di antara tiga gua tersebut adalah sekitar 1.6 kilometer.

Bagaimanapun, Gua Berhala dan Gua Bukit Bintang di sini sudah musnah sepenuhnya akibat daripada aktiviti kuari berlesen.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengasas Perlis Nature and Wildlife (PNW), Syamil Abd. Rahman berkata, berdasarkan catatan sejarah, kalam semah yang hampir serupa hanya boleh ditemukan di Gua Chawas, Kelantan, Gua Khuka



AHLI-AHLI Perlis Nature and Wildlife (PNW) meninjau keadaan di hadapan pintu gua batu kapur yang menjadi salah satu bekas lokasi melombong bijih timah yang terbiar di Wang Ulu, Bintong, Kangar, Perlis, semalam.
- UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

Sawan Phattalung, selatan Thailand dan sebahagian lagi di Palembang, Indonesia.

Katanya, pada tahun 1961, penduduk di sekitar kawasan di sini gempar apabila menemukan puluhan kalam semah di lantai Gua Kurung Batang sepanjang 80 meter itu.

Sehubungan itu, kongsi Syamil, pengkaji Inggeris ketika itu dikatakan datang dan mengambil semua kalam semah tersebut

selepas berita penemuan itu dilaporkan di muka depan surat khabar tempatan.

"Jurnal saintifik mengenai penemuan tersebut ditulis pada tahun 1964. Difahamkan, kalam semah yang mempunyai nilai warisan itu dipamerkan di Muzium Kota Kayang dan Lembah Bujang, Kedah," katanya.

Gua Kurung Batang di sini yang didakwa mempunyai sejarah warisan arkeologi itu di-

katakan berusia ratusan juta tahun dan mempunyai struktur yang bertingkat, sesuai untuk didiami dengan bukaan lubang seperti jendela menghadap ke arah matahari terbit.

Sementara itu, Syamil tidak menolak kemungkinan pembentukan unik gua tersebut menjadi faktor mengapa ia dijadikan lokasi untuk aktiviti keagamaan meskipun berada jauh di dalam hutan sebelum

ditemukan penduduk kampung pada awal tahun 1960-an.

Dalam pada itu, Syamil yang menjejak semula gua berkenaan buat kali ketiga dalam tempoh empat tahun melalui Projek Perca Kain baru-baru ini telah merekodkan keadaan gua yang masih kekal terpelihara.

Selain itu, terdapat ribuan kelawar buah yang menghuni bumbung gua sekali gus membuktikan kewujudan gua tersebut membantu dalam keseimbangan ekosistem.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, gua-gua batu kapur yang wujud di sepanjang Banjaran Nakawan dari Kuala Perlis sehingga Wang Kelian, Padang Besar sejauh 36 kilometer itu didakwa mempunyai sejarah warisan geologi yang dikatakan berusia ratusan juta tahun.

Sehubungan itu, PNW berharap gua-gua batu kapur tersebut diwartakan sebagai tapak warisan negeri bagi menjaga khazanah dan warisan gua-gua batu kapur berkenaan yang cukup unik selain mempunyai nilai sejarah tersendiri.

Menurut Syamil, terdapat kira-kira 350 hingga 400 gua masih wujud di Perlis merangkumi dua jenis formasi pembentukan sama ada daripada batuan kapur Setul atau Chuping.

Semua gua-gua berkenaan berusia antara 250 hingga 499 juta tahun yang perlu direkodkan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan.

UM, 15 Sept
2021 12

